

MOHD AZUL MOHAMAD SALLEH  
NOR AZITA GHANI

## Pola Pemaparan Kandungan Maklumat Islam Menerusi Internet: Kajian Kes Terhadap Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

### **Pengenalan**

Perkembangan ilmu dalam masyarakat semakin bertambah dan sehingga kini penyampaian dan penyebaran maklumat telah berubah, daripada maklumat bercetak kepada maklumat digital dan elektronik. Selama ini media cetak banyak membantu dan memberi sumbangan dalam usaha menyebarkan maklumat di Malaysia. Begitu juga media elektronik seperti televisyen dan radio turut berperanan dalam penyebaran maklumat kepada masyarakat di persekitaran teknologi moden. Kemunculan teknologi maklumat seperti Internet telah banyak merubah cara hidup manusia dari aspek sosial, ekonomi dan politik apabila maklumat boleh dicapai dan disebar melalui rangkaian komputer atau Internet.

Teknologi maklumat dan Internet adalah satu saluran yang sangat berfaedah dan berkesan sekiranya dimanfaatkan sepenuhnya (Abu Bakar Abdul Majeed dan Sarina Othman 1998). Menerusi Internet, masyarakat Islam dapat menyebar dan memaparkan maklumat Islam ke seluruh dunia. Melalui Internet juga terdapat pelbagai maklumat Islam yang boleh dijadikan sumber ilmu termasuk maklumat dakwah, kepercayaan dan aliran pemikiran. Kemajuan ini telah menyediakan persekitaran komunikasi yang lebih luwes dari

segi masa, tempat, kaedah dan saluran penyampaian sesuatu maklumat dalam abad ke-21 (Teh Hon Seng 1997)

Impak daripada perkembangan ini memberi idea untuk membangun satu persekitaran pemaparan maklumat yang berasaskan kepada Internet, laman web dan sistem rangkaian yang lebih luas. Sebenarnya pemaparan berasaskan kepada laman web, maklumatnya boleh dicapai dan disampaikan dalam bentuk digital atau elektronik pada sebarang masa (*anytime*) dan di mana jua (*anywhere*) (Khairuddin Hashim 1998). Di abad ini, pemaparan secara elektronik atau digital di laman web menjadi satu wadah baru kepada individu, masyarakat dan organisasi di Malaysia untuk memaparkan sesuatu maklumat.

Masyarakat Islam mengambil peluang ini untuk menerbitkan maklumat dan mempromosikan imej positif Islam dari pelbagai aspek seperti ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi, pengurusan dan sebagainya. Peluang ini diterokai dengan menerbitkan maklumat Islam kerana ia merupakan salah satu media sebaran am dan medium komunikasi yang boleh membujuk khalayak sebagai satu taktik untuk mempengaruhi, menerangkan, mempercayai dan mempelajari sesuatu ilmu. Gabungan beberapa media yang lebih dikenali sebagai multimedia juga merupakan satu bentuk penyampaian isi kandungan komunikasi yang boleh mempengaruhi dan memberi maksud/makna kepada sesuatu masyarakat atau individu tentang maklumat yang hendak disampaikan itu (S. V. Raghavan 1998).

### Tujuan Kajian

Secara keseluruhan, kajian ini meneliti bagaimanakah individu dan organisasi Islam bertindak balas terhadap perkembangan teknologi maklumat. Penggunaan teknologi maklumat perlu juga diteliti dari pelbagai aspek terutamanya dalam pola pemaparan kandungan maklumat, bentuk penyampaian maklumat, jenis maklumat, aplikasi dan elemen yang digunakan untuk menarik minat pelawat. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat pola pemaparan kandungan maklumat Islam yang disalurkan melalui Internet, dua laman web yang dikaji terdiri dari badan kerajaan iaitu Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan badan bukan kerajaan, iaitu Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

## Kajian Lepas

Proses mempelajari ilmu terdiri daripada proses menerima dan menyampaikan pengetahuan. Proses penyampaian ilmu terdiri dari pelbagai kaedah dan media yang berbeza, terutama dari segi teknik penyampaian, teknologi yang digunakan serta proses penyampaiannya. Sejarah telah menunjukkan bagaimana Rasulullah s.a.w. menjadi komunikator yang baik pada zamannya. Baginda s.a.w. mempunyai kelebihan menggunakan kata-kata yang tepat, puitis dan segar dalam menyampaikan maklumat Islam kepada khalayak (Zulkiple Abd. Ghani 1999). Dalam pengucapan umum yang melibatkan khalayak yang ramai, Baginda menggunakan penghantar (*transmitters*), iaitu sahabat-sahabat sebagai penyampai wahyu dari Allah S.W.T. Contohnya, semasa berucap di perhimpunan haji wida', baginda dilaporkan menggunakan lebih seratus penghantar dan memilih tempat berlembah supaya ucapannya boleh didengar dengan baik oleh khalayak, walaupun mikrofon dan pembesar suara tiada pada masa itu (Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah 1999).

Budaya komunikasi bertulis juga subur dalam masyarakat Islam pada masa itu, di mana maklumat ditulis atau dicetak pada kertas untuk membina tamadun Islam yang cemerlang. Di kalangan negara-negara Islam, kilang kertas yang pertama dibangunkan adalah di Baghdad pada tahun 793M semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid dan Jaafar Ibn Yahya. Penggunaan kertas ini berkembang untuk menggantikan kulit binatang dan pelepah pokok kurma sebagai media penerbitan untuk menyimpan dan menyebarkan maklumat Islam. Penyebaran dan penerbitan maklumat Islam tidak dihalang oleh penggunaan media komunikasi untuk membudayakan pembangunan sesuatu masyarakat kerana proses penerbitan tidak menghadkan kita menggunakan hanya satu media tertentu sahaja. Selari dengan perkembangan zaman dan teknologi, corak penerbitan maklumat Islam turut berubah dan mengalami arus peredaran dari aspek kaedah dan medium penyebarannya.

Pada masa ini maklumat Islam banyak disebar dengan menggunakan filem, video, kaset dan sebagainya. Tetapi, kesan arus penerbitan secara digital dan elektronik telah memajukan lagi kaedah penerbitan maklumat Islam dalam laman web dengan gabungan pelbagai media seperti teks, grafik, animasi, audio, dan video untuk mencapai objektif

penyebaran maklumat serta memastikan keberkesanan sesuatu mesej yang hendak disampaikan kepada khalayak (Satareh Ghaffari-Farhangi 1998). Pembangunan teknologi maklumat pada awal abad ke-21 menawarkan satu inovasi dan perkembangan teknologi Internet di Malaysia. Penggunaan Internet di Malaysia secara aktif bermula pada pertengahan 1990-an (Mohd Safar Hasim 2000). Perkembangan teknologi ini telah mengubah cara masyarakat berkomunikasi, menerbit maklumat, dan mengguna teknologi komunikasi dalam membina masyarakat berpengetahuan dan menjadikan negara membangun seperti Malaysia setanding dengan negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun.

Perkembangan Internet turut dirasai dan diambil perhatian oleh masyarakat Islam untuk menerbitkan maklumat secara dalam-talian di laman web. Di seluruh dunia terdapat banyak individu, institusi dan organisasi Islam yang mempunyai laman webnya sendiri untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Penggunaannya adalah berbeza di antara satu dengan lain bergantung kepada fungsi dan matlamat masing-masing (Rahmah Hashim 2000). Misalnya di Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang memuatkan maklumat tentang peranan dan aktiviti di laman web mereka.

Jenis maklumat yang diterbitkan dan dipaparkan dilaman web merangkumi pelbagai kategori seperti, pendidikan, ekonomi, politik, sosial, pelancongan, kebudayaan dan kesenian (Mazni Hj Buyong 2000). Sebagai contoh, maklumat yang berkaitan dengan al-Quran dalam laman web juga terdiri dari pelbagai bentuk iaitu, terjemahan atau tafsir al-Quran dalam pelbagai bahasa, artikel-artikel mengenai Islam, dan sebagainya. Kemudahan laman web ini telah digunakan untuk menyebarkan ajaran Islam kerana merupakan kaedah yang senang dicapai oleh masyarakat seluruh dunia. Tetapi, proses perlaksanaannya perlulah secara bijaksana mengikut keadaan dan perkembangan semasa. Dalam pelaksanaan dakwah dan penerbitan maklumat Islam, masyarakat harus memanfaatkan hasil penemuan dan kemajuan sains dan teknologi agar keberkesanan dapat dipertingkatkan (Syukur Kholil 2001).

Penglibatan masyarakat Islam dalam dunia Internet atau penerbitan di laman web masih lagi di tahap minoriti. Hal ini

terbukti apabila tiada negara Islam di kedudukan 15 negara teratas yang mendominasi penggunaan Internet. Negara yang indeksinya di peringkat pertengahan ialah Emiriah Arab Bersatu, Malaysia berada di tahap tertinggi di dalam kelompok *meanderers* dan negara Islam lain dalam kelompok ini ialah Arab Saudi, Jordan, Mesir dan Indonesia (Abu Bakar Abdul Majeed dan Sarina Othman 1998). Masyarakat Islam mendapati pengaruh elemen-elemen seperti audio, video, animasi dan Internet paling berkesan bagi tujuan menyebarkan maklumat dan menghubungkan antara pelbagai kumpulan masyarakat.

Jika dilihat pertumbuhan rakyat Malaysia pula, jumlahnya adalah seramai 22 juta dan seramai 500 000 terdiri daripada pelanggan Internet yang dijangka akan meningkat dari sehari ke sehari. 45 peratus daripada penduduk Malaysia adalah terdiri daripada bangsa Melayu yang beragama Islam. Daripada jumlah ini dianggarkan bahawa 200 000 orang Islam melanggan Internet (Shaikh Mohd. Sarifuddeen Shaikh Mohd Salleh 2000). Manakala Amir Jafri (1999) mendapati dengan terciptanya Internet, ia memberi keuntungan material dalam persediaan Islam menghadapi sesuatu persoalan, menyebarkan maklumat dan mempromosikan perkara yang berkaitan dengan Islam.

Mohamad Rafee Yusoff dan kawan-kawan (2000) mendapati maklumat Islam di laman web boleh diterbitkan dalam pelbagai cara dan bentuk. Antaranya ialah seperti perisian, laman muka, FAQ, kumpulan berita, senarai alamat dan IRC. Antara kandungan laman web yang lain adalah untuk menceritakan hala tuju dan arah perjuangan sesuatu organisasi, sejarah organisasi, keahlian organisasi, aktiviti-aktiviti perkhidmatan yang disediakan, penerbitan, pengumuman, dan pautan dengan laman web yang lain.

## Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan terdiri dari kaedah analisis kandungan kuantitatif dan kualitatif serta temu bual mendalam. Kajian ini mengaplikasi kaedah analisis kuantitatif dan kualitatif bagi mendalami dan memperolehi maklumat sebenar mengenai kajian yang dijalankan. Analisis kandungan ini bermakna mengkaji pola pemaparan kandungan maklumat laman web IKIM dan ABIM. Kaedah ini digunakan untuk

mengenal pasti perubahan pola pemaparan kandungan maklumat laman web kedua-dua organisasi berkenaan secara sistematik, bentuk penyampaian maklumat, jenis maklumat, dan elemen-elemen yang digunakan. Pendekatan kuantitatif digunakan untuk mendapatkan data mengenai pola pemaparan kandungan maklumat melalui analisis kandungan maklumat Islam terhadap laman web selama sebulan bagi kedua-dua laman web yang dipilih.

Dalam kajian ini, kaedah analisis isi kandungan kualitatif juga digunakan untuk meneliti pola kandungan maklumat Islam kerana kaedah ini berupaya menghasilkan data yang menyakinkan. Kaedah ini dipilih dalam mengenal pasti perubahan pola pemaparan kandungan maklumat dengan lebih cepat. Maklumat yang diperolehi akan dikategorikan mengikut kategori tertentu yang telah ditetapkan. Kajian analisis kandungan kauntitatif dilakukan selama 31 hari ke atas laman web IKIM dan ABIM dengan meneliti empat bahagian yang penting dengan menggunakan 31 borang soal selidik untuk setiap organisasi. Alamat laman web yang dilayari ialah IKIM (<http://www.ikim.gov.my>) dan ABIM (<http://www.abim.org.my>). Dalam menilai laman web kedua-dua organisasi tersebut, borang soal selidik digunakan untuk mencatat perubahan, jenis-jenis maklumat, dan isi kandungan laman web tersebut. Setiap satu set borang soal selidik mewakili 1 hari kajian bagi setiap laman web. Kajian ini dijalankan selama 31 hari bermula dari 1 Januari hingga 31 Januari 2002.

Kajian analisis kandungan kualitatif meneliti kandungan maklumat yang terdapat pada laman web IKIM dan ABIM yang dilakukan secara sistematik berlandaskan kategori-kategori atau isu-isu yang dipaparkan dalam laman web. Penekanan analisis isi kandungan kualitatif lebih menjurus kepada analisis pola pemaparan dan kandungan maklumat. Tempoh kajian yang dijalankan juga adalah selama 31 hari kekerapan untuk meneliti kedua-dua laman web yang dipilih. Catatan diambil bagi mengesan pola pemaparan kandungan maklumat, kandungan dan perubahan yang berlaku dalam tempoh kajian tersebut bagi menjawab segala persoalan kajian.

Pola kandungan maklumat yang diproses akan dikelompok mengikut keperluan kajian dan diklasifikasikan mengikut keperluan analisis satu-satu persoalan yang hendak diteliti berdasarkan kepada persoalan-persoalan kajian.

Kaedah analisis kualitatif yang digunakan bukan tertumpu kepada bahan-bahan kandungan Internet sahaja, tetapi tumpuan juga diberikan kepada maklumat yang diperolehi melalui temubual mendalam.

Oleh kerana kajian ini melibatkan sesebuah organisasi, temu bual mendalam merupakan kaedah yang sesuai digunakan. Kaedah temu bual mendalam secara formal digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden untuk setiap organisasi yang dipilih. Perkara yang disoal melibatkan dan berkisar kepada dasar organisasi dalam pemaparan maklumat, strategi penyebaran maklumat, pemprosesan maklumat dan maklum balas daripada orang ramai terhadap sesuatu maklumat yang dipaparkan. Temu bual mendalam ini melibatkan seorang wakil kakitangan di IKIM dan seorang wakil kakitangan di ABIM yang terlibat secara langsung dalam pemaparan maklumat di laman web masing-masing. Temu bual formal ini telah diadakan dengan menggunakan satu set soalan terbuka yang telah disediakan terlebih dahulu untuk mendapat maklumat yang diperlukan dalam kajian. Soalan yang sama digunakan di kedua-dua organisasi tersebut. Persediaan yang sedemikian dijangka berupaya menjangkau pemikiran, pendapat dan sikap tokoh yang ditemubual terhadap perkara yang dikaji (Berg 1989).

Setiap pemboleh ubah diberi takrifan kendalian yang jelas. Berdasarkan kepada kefahaman yang jelas, maka proses penyediaan soalan untuk kajian soal selidik dan temubual dikenal pasti dengan jelas. Antara pemboleh ubah yang dianalisis ialah:

1. *Bentuk penyampaian maklumat Islam dalam laman web.*  
Bentuk penyampaian maklumat melihat kepada format penyampaian yang digunakan seperti bentuk teks, audio, grafik, video, animasi atau gabungan di antaranya. Bentuk maklumat penyampaian yang dilihat adalah sama ada ia dalam bentuk ucapan, pengumuman, surat, berita, kertas kerja, karangan, temu bual dan penerbitan buku.
2. *Jenis maklumat Islam yang dipaparkan*  
Jenis maklumat yang dikaji ialah melihat sama ada maklumat tersebut merupakan maklumat agama, politik, ekonomi, pendidikan, sosial, sains dan teknologi, sejarah, falsafah, kebudayaan, kesenian, dan undang-undang.

3. *Bentuk kandungan laman web yang memaparkan maklumat*  
Kajian ini mengelaskan laman web mengikut kategori isi kandungan, iaitu bentuk kandungan. Antara bentuk atau kandungan yang dikenal pasti ialah tentang warna, saiz tulisan, jenis tulisan, susun letak grafik, corak, imej dan bahasa yang digunakan.
4. *Dasar organisasi*  
Dasar organisasi melihat kepada fungsi, jentera kerja, kaedah yang digunakan dalam penyebaran maklumat, saluran media, kepakaran dan dasar serta garis panduan dalam mengumpul, menganalisis dan menyebarkan maklumat Islam dilaman web.
5. *Strategi penyebaran maklumat*  
Persoalan yang timbul dalam bahagian ini lebih kepada tujuan organisasi menggunakan Internet, jenis penyampaian yang digunakan, kategori maklumat yang disebarkan dan kekerapan proses mengemas kini maklumat di laman web.
6. *Pemproses maklumat*  
Persoalan yang perlu dikaji adalah lebih kepada individu yang bertanggungjawab dalam pemprosesan maklumat, individu yang menjalankan proses penapisan maklumat dan penyemakan sesuatu maklumat yang dipaparkan.
7. *Maklum balas*  
Maklumbalas adalah satu perkara yang penting dan perlu dinilai seperti menyediakan ruang komentar di laman web, siapakah yang perlu menjawab komentar dan daripada siapakah biasanya komenter diterima.

## Dapatan Kajian

### *Temu bual Mendalam*

Bahagian ini membincang hasil temu bual mendalam untuk mengetahui tentang dasar, strategi penyebaran maklumat, pemprosesan maklumat dan maklum balas khalayak sasaran bagi kedua-dua organisasi IKIM dan ABIM. Hasil temu bual mendalam menunjukkan kedua-dua organisasi terlibat dalam



pembangunan laman web sebagai kaedah penyebaran maklumat Islam melalui Internet. Walau bagaimanapun proses penyebaran dan pemaparan maklumat ini bukan sahaja terhad kepada laman web malah mereka juga menggunakan media cetak dan media elektronik seperti buku, majalah, akhbar, dan televisyen. Hasil kajian mendapati kedua-dua organisasi masih menggunakan cara tradisi dalam usaha penyebaran maklumat mereka. Keadaan ini berlaku memandangkan cara tersebut didapati lebih berkesan dan tidak memerlukan kos peralatan yang tinggi dan kepakaran.

Walaupun bagaimanapun laman web juga telah digunakan sebagai salah satu kaedah penyebaran dan pemaparan maklumat Islam kerana teknologi ini mempunyai kelebihan tersendiri. Kajian mendapati, kedua-dua organisasi telah menganggap laman web mereka penting dalam memaparkan segala aktiviti yang dijalankan seperti seminar, persidangan, penyelidikan, penerbitan, hubungan dengan pihak antarabangsa dan dengan media selain dari mengguna kaedah pemaparan dan penyampaian yang lain. Kedua-dua organisasi pada awalnya menggunakan aplikasi Internet seperti e-mel untuk berhubung dan berkomunikasi di antara satu dengan lain. Disebabkan bidang teknologi maklumat bukan terhad kepada penggunaan e-mel sahaja, maka mereka telah berusaha untuk membina laman web yang boleh dilayari oleh semua pihak untuk proses pencarian dan penyebaran maklumat. Selain daripada memaparkan artikel-artikel, laman web kedua-dua organisasi juga memaparkan maklumat struktur organisasi, menyediakan ruang komentar untuk pelawat memberi komen dan cadangan tentang sesuatu isu. Jelas di sini, laman web mereka bukan hanya menjurus dalam pemaparan maklumat Islam semata-mata malah menyediakan perkhidmatan lain untuk kegunaan pelawat.

Hasil temu bual juga mendapati organisasi tidak mempunyai jentera khas, badan atau jabatan yang khusus dalam kerja-kerja mengumpul dan menyebarkan maklumat kepada masyarakat di laman web. Proses mendapat penjelasan dan keputusan kepada sesuatu isu memerlukan beberapa kaedah yang lain, iaitu membuat penyelidikan, mendapat pandangan dan bahan dari mufti atau ulama tentang hukum hakam, mengadakan bengkel atau seminar dan mendokumentasikan bahan perbincangan seperti mengeluarkan buku dan majalah.

## Analisis Isi Kandungan Kuantitatif

Bahagian ini membincangkan hasil kajian analisis kandungan laman web kedua-dua organisasi yang dipilih iaitu IKIM dan ABIM. Penerangan dan perbincangan melihat kepada bahagian yang penting iaitu latar belakang organisasi, isi kandungan laman web, penggunaan aplikasi multimedia dan maklumat-maklumat kita dalam laman web. Hasil analisis yang dilakukan mendapati kedua-dua laman web mempunyai tujuan dan membekalkan maklumat yang khusus pada laman web masing-masing. Hasil penelitian menunjukkan maklumat yang khusus ini wujud di laman web sepanjang penelitian dijalankan. Maklumat yang khusus adalah seperti carta organisasi, maklumat ekonomi, sains dan teknologi, sosial, politik, sejarah, kebudayaan, kesenian dan undang-undang.

Dari segi isi kandungan laman web, kajian merumuskan bahawa kedua-dua laman web secara keseluruhan mengandungi elemen teks, grafik, grafik latar belakang dan animasi. Penggunaan elemen ini menjadi satu matlamat untuk kedua-dua laman web kerana penggunaan elemen ini boleh mencantikkan sistem antara muka dan menghasilkan laman web yang lebih mesra pengguna, boleh menggambarkan atau menjelaskan isi sesuatu laman web, memudahkan pelawat melayari laman web, membolehkan pelawat berinteraksi secara mudah dengan laman web dan menunjukkan satu reka bentuk laman web yang sistematik dan terarah. Hasil analisis mendapati kedua-dua laman web menggunakan lebih dari satu cara atau bentuk penyampaian maklumat iaitu terdiri daripada ucapan, berita, pengumuman, kertas kerja, surat dan sebagainya. Sepanjang penelitian dijalankan, juga didapati topik dan maklumat kedua-dua laman web merangkumi agama, politik, sosial, sains dan teknologi, ekonomi, pendidikan, psikologi dan sejarah dipaparkan pada kedua-dua laman web organisasi berkenaan.

Kajian mendapati IKIM dan ABIM ada melaksanakan aktiviti dan kerjasama dengan pihak media. Sebagai contoh, IKIM menjalankan aktiviti dengan pihak televisyen, radio dan akhbar, manakala ABIM hanya dengan pihak akhbar sahaja. Kajian mendapati IKIM mengadakan aktiviti dengan pihak media lain seperti *Utusan Malaysia*, *News Straits Time* dan *The Star*, manakala ABIM hanya dengan *Utusan Malaysia* sahaja. Ini menunjukkan kedua-dua pihak sentiasa menggunakan media lain dalam menyebarkan maklumat Islam.

Kajian ini juga mendapati dari segi teknikal penggunaan Internet memenuhi keperluan sepenuhnya menggunakan sistem pautan. Didapati kedua-dua laman web mempunyai ruang-ruang yang baik dan mematuhi proses reka bentuk laman web yang berstruktur. Sebagai contoh, laman web IKIM menunjukkan setiap halaman dalam laman web mempunyai butang menu-menu untuk memudahkan pelawat melayari laman web mereka. Apa yang menimbulkan masalah pada kedua-dua laman web ini ialah kurangnya proses pengemaskinian dilakukan terhadap maklumat, di mana maklumat yang lama atau tidak terkini dipaparkan dan boleh menyebabkan pelawat tidak berminat untuk melayari laman web mereka. Selama tempoh penelitian, kajian mendapati laman web kedua-dua organisasi tidak banyak mengalami perubahan, sama ada dari segi grafik latar belakang, kandungan laman, pengaplikasian multimedia dan lain-lain.

Kajian bukan mengatakan pihak IKIM dan ABIM tidak membuat pengemaskinian 100 peratus, tetapi kurang atau jumlah yang sedikit. Hasil kajian mendapati IKIM dan ABIM ada melakukan pengemaskinian terhadap laman web mereka cuma hanya beberapa hari sahaja dalam sebulan. Hasil Kajian seperti dalam Jadual 1 mendapati IKIM mempunyai sebanyak 6 kekerapan atau 19.4 peratus bagi proses pengemaskinian dan selebihnya tidak dikemaskini iaitu sebanyak 25 kekerapan atau 80.6 peratus. Manakala, ABIM mempunyai sebanyak 7 kekerapan atau 22.6 peratus dalam mengemaskini laman web mereka dan sebanyak 24 kekerapan atau 77.4 tidak dikemaskini.

Tarikh kemaskini	IKIM		ABIM	
	Kekerapan(F)	Peratus(%)	Kekerapan(F)	Peratus(%)
Ada	6	19.4	7	22.6
Tiada	25	80.6	24	77.4

JADUAL 1.  
Maklumat  
Kemas kini  
Laman Web

## Analisis Isi Kandungan Kualitatif

Hasil kajian kualitatif mendapati laman web IKIM terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu halaman topik-topik utama yang terletak pada menu-menu. Topik-topiknya ialah pengenalan, carta organisasi, aktiviti, penyelidikan, saluran radio IKIM, lokasi, penerbitan, program, FAQ, perpustakaan, kapsul, artikel surat khabar, ucapan Perdana Menteri dan pencapaian IKIM. Laman web IKIM juga memaparkan aktiviti dan perkhidmatan yang dilakukan, antaranya ialah seperti penyelidikan, penerbitan artikel, majalah, dan buku.

Ada juga halaman yang memaparkan maklumat tentang seminar, persidangan, forum, perbincangan dan dialog. Pihak IKIM juga ada memaparkan maklumat Pusat Perundingan dan Latihan (PPLI) untuk menyediakan program kefahaman Islam dan ilmu termasuk ekonomi, undang-undang, pengurusan dan pentadbiran, perbankan dan kewangan, psikologi, politik, hubungan antarabangsa dan sebagainya. Maklumat berkenaan dengan saluran radio IKIM.fm juga tidak ketinggalan, serta ruang penerbitan IKIM dan senarai buku-buku yang diterbitkan oleh kakitangan IKIM. Kandungan halaman-halaman ini terdiri dari elemen teks, grafik, grafik latar belakang, animasi, audio dan butang menu-menu utama.

Jika dilihat pada laman web ABIM pula, ia dibahagikan kepada kolum-kolum yang utama, di sebelah kanan terdapat senarai maklumat yang terkandung dalam laman web tersebut. Di mana terdapat menu utama dan kandungan halaman-halamannya. Menu utama mengandungi topik yang berkaitan dengan sejarah ABIM, misi, visi, struktur organisasi, prinsip dan pendirian, qidayah pusat dan keahlian. Seterusnya diikuti dengan maklumat laman web ABIM negeri yang menjelaskan cawangan ABIM iaitu Selangor, Sarawak, Wilayah Persekutuan, Pahang, Johor, dan Melaka.

Terdapat juga sub-submenu iaitu koleksi ilmu, ABIM 25 tahun, resolusi seminar dan artikel pilihan. Selain dari itu terdapat ruang menarik yang mengandungi siaran media, galeri foto, tabung bantuan, majalah dalam-talian serta bahagian pendidikan. Informasi umum tentang ABIM yang meliputi kenyataan media, seminar, persidangan, penerbitan, siaran media ABIM, pelancaran tabung keamanan dan kursus yang diadakan juga dipaparkan.

Halaman yang lain berkisar kepada sejarah penubuhan ABIM, di mana terdapat pelbagai maklumat seperti struktur

organisasi, sekretariat ABIM, Tarbiyyah, Antarabangsa dan Helwa. Terdapat juga satu halaman yang membincangkan topik seperti pembangunan, politik, tasawuf, sosial, perpaduan ummah dan kebudayaan. Laman web ABIM juga membuat pautan dengan laman web yang lain atau membentuk jaringan dengan organisasi yang lain seperti organisasi kerajaan, badan bukan berkanun, IPT, pertubuhan-pertubuhan Islam, sekolah-sekolah, enjin pencarian, dan juga e-mel.

Kajian juga menunjukkan setiap halaman laman web IKIM dan ABIM terdiri dari elemen-elemen seperti teks, grafik, animasi, grafik latar belakang, dan butang menu-menu. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan dari segi penggunaan elemen-elemen tersebut kerana elemen yang sama digunakan. Dalam proses mendapat idea, komen dan pandangan orang ramai berkenaan dengan sesuatu isu, kedua-dua organisasi menyediakan ruang maklumbalas dan pernyataan peribadi di laman web masing-masing. Kedua-dua menyediakan ruang komentar dan peka terhadap keperluan pelawat untuk memberi kebebasan kepada masyarakat, bertanya dan memberi pandangan tentang sesuatu isu yang kurang jelas dalam perbincangan. Sebagai contoh, ABIM menyediakan ruang ini supaya pelawat dapat berdiskusi dengan pihak mereka dan sebarang persoalan pelawat dapat dijawab dengan cepat.

### **Rumusan**

Kajian ini juga mendapati kedua-dua laman web telah berusaha untuk mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan aplikasi-aplikasi multimedia dalam menyampaikan maklumat kepada pelawat laman web masing-masing. Melalui dapatan kajian, didapati bahawa penggunaan Internet sebagai saluran penyebaran maklumat dikalangan organisasi Islam di negara ini masih berada di tahap yang minima. Apa yang dapat dirumuskan, kedua-dua organisasi terutamanya IKIM perlu melihat semula sikap organisasi terhadap penggunaan Internet sebagai saluran penyebaran maklumat yang bersifat global. Kedua-dua organisasi ini menyedari peri pentingnya Internet dalam usaha penyebaran maklumat dan menjadikan satu alat komunikasi yang penting. Dari hasil kajian, jelas kita nampak laman web IKIM dan ABIM mempunyai pola pemaparan kandungan maklumat yang lebih kurang sama pada

keseluruhannya, iaitu membincangkan organisasi dari segi struktur, objektif penubuhan, sejarah penubuhan, dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan.

Unsus-unsur kesinambungan dan keberkaitan di antara bentuk organisasi, perancangan kerja dalam mewujudkan jaringan dari segi fungsi dan aktiviti yang dilaksanakan oleh kedua-dua organisasi. Dengan menggunakan penjelasan yang sistematik, persoalan yang rumit dapat dijelaskan. Contohnya, penjelasan berkenaan dengan organisasi, perancangan dan strategi penyebaran, pemprosesan maklumat dan maklumbalas khalayak sasaran. Hasilnya jelas kita nampak, ABIM dan IKIM adalah dua buah organisasi yang berbeza dari segi orientasinya. Namun matlamat kedua-dua organisasi ini sama, iaitu untuk menyebarkan dan memberi kefahaman maklumat Islam kepada masyarakat.

---

Penulis

Mohd Azul Mohamad Salleh adalah pensyarah di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah komunikasi komputer.

Nor Azita Ghani adalah bekas pelajar siswazah di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

---

Rujukan

- Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah Abdul Rahman. 1999. *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abu Bakar Abdul Majeed dan Sarina Othman. 1998. *Cabaran Teknologi Maklumat dan Internet: Agenda Umat Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Amir Jafri. 1999. *Maximizing the Internet*. <http://umcc.ais.org/~islam>. September 1999.
- Berg, B. L. 1989, *Qualitative research methods for the social research*, Boston: Allyn and Bacon
- Khairuddin Hashim. 1998. *Learning and teaching in virtual university environment*. Malaysia. Proceeding of International Conference On Information Technology and Multimedia.
- Mazni Buyong. 2000. *Teknologi maklumat sebagai faktor utama dalam dasar komunikasi: satu tinjauan di Malaysia*. Pasca sidang Simposium Penyelidikan Komunikasi ke-6. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Rafee Yusoff, Mohamed Awang Lah, Hassan Mohamed, Azmah Abdul Malik, Aini Omar dan Miswan Surip. 2000. *Maklumat dan perkembangan Islam melalui Internet*. Dlm. Abu

- Bakar Abdul Majeed dan Sarina Othman. 1998. *Cabaran Teknologi Maklumat dan Internet: Agenda Umat Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohd Safar Hasim. 2000. *South East Asia countries response to the advent of information era: with emphasis on Malaysia*. Jurnal Komunikasi. Jilid 16. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahmah hashim, Arfah Yusof dan Normah Mustaffa. 2000. *Internet di kalangan pengguna awal di Lembah Klang: beberapa penemuan awal*. Pasca sidang Simposium Penyelidikan Komunikasi ke-6. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Satareh Ghaffari-Farhangi.1998. *The era of global communication as perceived by muslim*. Gazette Vo. 60(4) London: Sage Publication.
- Shaikh Mohd. Sarifuddeen Shaikh Mohd Salleh. 2000. *Memahami Islam melalui teknologi maklumat dan komunikasi*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- S. V. Raghavan dan Satish K. Tripathi. 1998. *Networked multimedia systems: concepts, architecture and design*. Prentice Hall.
- Syukur Kholil. 2001. *Penyiaran agama, penggunaan media dan kepuasan khalayak rancangan agama di televisyen: Kajian di Medan Indonesia*. Tesis Dr. Fal. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teh Hon Seng, Lai teo Kuan dan Yap Swee Seng. 1997. *Koridor Raya Multimedia*. Kuala Lumpur: Founder Sdn Bhd.
- Zulkiple Abd. Ghani .1999. *Komunikasi Islam komunikasi alternatif*. Kertas kerja Simposium Penyelidikan Komunikasi ke-6. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.